

1103/2
Bahasa Melayu
Kertas 2
Peraturan
Pemarkahan
2019

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2019

BAHASA MELAYU

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh diterbitkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 20 halaman bercetak.

Markah penuh : 110 markah**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagikan kepada :

- (a) Isi – 20 markah
 (b) Bahasa – 10 markah

(a) **Isi** [20 markah]

Nota :

- (i) Panduan mengira perkataan
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
- nama khas
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Beri markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian		Markah										Markah Maksimum
(i)	Pendahuluan											2
(ii)	Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii)	Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv)	Kesimpulan											2
		Jumlah markah										20

[Lihat halaman sebelah

Pendahuluan [2 markah]		Markah
P1	Petikan membincangkan kesan / akibat rasuah di negara ini / di Malaysia.	2
P2	Petikan membincangkan kesan / akibat rasuah di negara ini / di Malaysia dan tindakan-tindakan untuk mengurangkan perbuatan menerima rasuah.	2
P3	Rumusan membincangkan kesan / akibat rasuah dan punca seseorang terlibat dalam rasuah.	2
P4	Petikan membincangkan kesan / akibat rasuah.	1
P5	Petikan membincangkan impak rasuah dalam kalangan masyarakat.	0

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

Impak gejala rasuah

S1	kehidupan masyarakat menjadi tidak harmoni	2
S2	mengganggu-gugat perkembangan ekonomi negara	2
S3	pemberian tender kerajaan boleh menyebabkan kos meningkat	2
S4	harga barang menjadi lebih mahal	2
S5	imej negara akan tercemar	2
S6	melumpuhkan fungsi perjalanan sesuatu organisasi	2
S7	kerajaan menjadi lemah	2
S8	pentadbiran sesebuah negara menjadi kucar-kacir	2

Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]

Markah

Punca seseorang terlibat dalam rasuah

T1	keinginan yang melebihi kemampuan / ingin hidup mewah	2
T2	tiada jati diri apabila melihat wang yang banyak di depan mata	2
T3	kurang didikan agama dan moral	2
T4	tidak ada rasa tanggungjawab terhadap negara	2
T5	peluang yang terbuka untuk menerima rasuah	2
T6	sifat tamak dan haloba menguasai diri	2
T7	tiada integriti dalam melaksanakan tanggungjawab	2
T8	desakan hidup	2

***(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

Kesimpulan [2 markah]

Kesimpulannya, kita perlu membanteras gejala rasuah agar negara bertambah maju.	2
Kesimpulannya, kita perlu membanteras gejala rasuah.	1

***(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Lihat halaman sebelah

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk pada markah isi seperti yang dinyatakan di dalam jadual yang berikut :

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan isi baik • Struktur ayat / tatabahasa baik • Kosa kata luas • Tanda baca / ejaan betul
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan isi masih baik • Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan • Kosa kata masih memuaskan • Tanda baca / ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan

Nota :

- (i) Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Maksimum : 10 markah]

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a)	:	9 markah
Soalan 2(b)	:	9 markah
Soalan 2(c)	:	8 markah
Soalan 2(d)	:	9 markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap / sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan tepat tetapi ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup tetapi ayat gramatis	
- Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2(a) : Petikan Umum**Markah****(i) Maksud menampakkan hasil**

- menampakkan : memperlihatkan / menimbulkan / menerbitkan / dapat dilihat
- hasil : penyelesaian / keputusan / kesudahan / kesan 2
- menampakkan penyelesaian / keputusan / kesudahan / kesan 1
- memperlihatkan / menimbulkan / menerbitkan / dapat dilihat hasil 1

*** hanya menukarkan satu perkataan dan betul, layak mendapat 1 m****[Maksimum: 2 markah]****(ii) Tindakan-tindakan untuk mengurangkan perbuatan menerima rasuah**

- P1 tangkapan demi tangkapan membabitkan beberapa orang penjawat awam
- P2 hampir setiap minggu ada pendakwaan terhadap penjawat awam
- P3 SPRM lebih giat memberkas mereka yang terlibat dalam gejala rasuah

[Maksimum: 3 markah]**[Isi cukup : 2 isi]****(iii) Sekiranya negara kita bebas daripada rasuah**

- P1 Malaysia akan menjadi negara maju
- P2 masyarakat akan menjalani kehidupan yang lebih baik
- P3 sumber kekayaan negara dapat dimanfaatkan untuk masyarakat
- P4 Malaysia akan menerima lebih ramai pelabur dari negara luar
- P5 ekonomi negara akan berkembang pesat
- P6 Malaysia akan dipandang tinggi oleh dunia luar

(Pendapat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)*[Maksimum: 4 markah]****[Isi cukup : 3 isi]**

Soalan 2(b) : Petikan Prosa Moden**Markah****(i) Sebab kota besar itu sudah hilang nilai-nilai tradisinya**

- | | |
|---|---|
| - sarat dengan api prasangka | 1 |
| - runcing prejudis para warganya yang berbilang bangsa | 1 |
| - bercampur aduk budaya dan bahasa pertuturannya | 1 |
| - manusia dipisahkan oleh benteng-benteng ketaksuban dan kepentingan diri masing-masing | 1 |
| - mereka dipecah-pecahkan oleh ideologi, puak dan etnik, warna kulit, bahasa percakapan serta fahaman politik | 1 |

[Maksimum: 2 markah]**[Isi cukup : 2 isi]****(ii) Persiapan-persiapan yang perlu dilakukan sebelum seseorang itu berhijrah ke bandar****Markah**

- | | |
|--|---|
| P1 mempelajari budaya tempat baharu | 1 |
| P2 mempunyai jati diri yang kukuh agar tidak mudah terpengaruh | 1 |
| P3 mencari maklumat tentang tempat yang ingin dituju | 1 |
| P4 melengkapkan diri dengan ilmu agama | 1 |
| P5 melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan | 1 |

[Maksimum: 3 markah]**[Isi cukup : 2 isi]****(iii) Pengajaran dalam petikan cerpen****Markah**

- | | |
|--|-------|
| P1 Kita hendaklah mendengar nasihat seorang ibu agar beroleh keberkatan dalam kehidupan.
'Saya' membatalkan hasratnya ke bandar atas nasihat ibunya. | (1+1) |
| P2 Kita perlulah menghindari sikap prasangka untuk mengelakkan sengketa.
Masyarakat di kota hidup dalam keadaan berprasangka. | (1+1) |
| P3 Kita perlulah menjauhi sikap mementingkan diri agar dihormati dan disenangi orang di sekeliling.
Masyarakat di kota dipisahkan oleh benteng-benteng ketaksuban dan kepentingan diri masing-masing. | (1+1) |

[boleh gunakan (isi + contoh) atau (isi + huraian)][Lihat halaman sebelah***SULIT**

Pengajaran dalam keseluruhan petikan	Markah
K1 Kita hendaklah gigih apabila melakukan sesuatu pekerjaan agar mendapat hasil yang baik. Anak-anak bangsa pada zaman dahulu cekal dan berani meneroka hutan untuk dijadikan bandar pelabuhan yang terkenal.	(1+1)
K2 Kita hendaklah rajin membaca untuk meningkatkan pengetahuan agar tidak mudah terpedaya. 'Saya' telah mengkaji teks Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah serta membaca banyak buku lama milik ibunya.	(1+1)
K3 Kita mestilah menjauhi sikap berputus asa agar semangat tidak luntur. 'Saya' meminta izin ibunya sekali lagi apabila sudah lebih bersedia untuk tinggal di kota walaupun hasratnya itu pernah ditolak oleh ibunya.	(1+1)

*(Pengajaran yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 2 isi (P + K)]

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Tradisional

Markah

(i) **Maksud** *jangan kemakanan matanya*

- supaya / agar tidak tumpul / majal / muntul
- agar / supaya tajam/sentiasa tajam

2
1

[Maksimum: 2 markah]

(ii) **Tindakan Duli Yang Dipertuan setelah mendengar perkhabaran daripada Seri Amerta**

Markah

- baginda tersenyum
- mengeyakan kata-kata / bersetuju dengan kata-kata Tun Perak
- mengambil sirih
- meminta Sri Amerta memberikan sirih kepada Tun Perak
- meminta Tun Perak meninggalkan Kelang dan menetap di negerinya

1
1
1
1
1

*(Sekiranya jawapan calon sama maksud dengan mana-mana jawapan di atas, diterima)

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

[Lihat halaman sebelah

(iii) Sebab seseorang itu perlu berpandangan jauh sebelum melakukan sesuatu perkara **Markah**

- | | | |
|----|---|---|
| P1 | supaya matlamat / perancangan menjadi lebih jelas | 1 |
| P2 | lebih yakin dengan keputusan yang dibuat | 1 |
| P3 | supaya kita dapat membuat persiapan dengan baik | 1 |
| P4 | dapat menimbangkan perkara yang baik dan yang buruk | 1 |
| P5 | menjadikan diri lebih bersikap rasional | 1 |

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

Soalan 2(d) : Puisi Moden

Markah

(i) Perkara yang menyebabkan Sang Gembala Kuda dianggap lelaki yang mempunyai kuasa

- | | | |
|---|--|---|
| - | arahannya dipatuhi | 1 |
| - | berani menghadapi segala rintangan ketika perburuan | 1 |
| - | bijak menggunakan tipu helah dengan berpura-pura sebagai penyelamat maruah | 1 |

[Maksimum: 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Ciri-ciri pemimpin yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin agar dihormati dan disegani **Markah**

- | | | |
|----|--|---|
| P1 | seorang pemimpin perlu mempunyai personaliti yang baik | 1 |
| P2 | bersedia menerima teguran dan kritikan yang membina | 1 |
| P3 | mempunyai daya fikiran jauh ke hadapan atau berwawasan | 1 |
| P4 | mempunyai inisiatif atau tindakan yang dimulakan sendiri tanpa menunggu orang lain | 1 |
| P5 | kebolehan berkomunikasi secara berkesan | |
| P6 | mempunyai integriti | |
| P7 | mempunyai pegangan agama yang kukuh | |

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Persoalan yang terdapat dalam sajak **Markah**

- P1 Persoalan kebijaksanaan dalam memimpin
Sang Gembala Kuda menggunakan cemeti untuk mengawal
kuda-kudanya. (1+1)
- P2 Persoalan kepatuhan kepada ketua
Kuda patuh terhadap Sang Gembala Kuda kerana makanan yang
diberikan. (1+1)
- P3 Persoalan kekuasaan seorang pemimpin
Kuda tidak akan membantah arahan Sang Gembala Kuda. (1+1)
- P4 Persoalan penganiayaan terhadap haiwan
Setelah kuda diberi makan, Sang Gembala Kuda akan terus
menunggang kuda tanpa menghiraukan keletihan kuda tersebut. (1+1)

***(Persoalan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

Soalan 3

Markah penuh dibahagikan kepada :

Soalan 3(a)	: 6 markah
Soalan 3(b)	: 6 markah
Soalan 3(c)	: 6 markah
Soalan 3(d)	: 6 markah
Soalan 3(e)	: 6 markah

Perhatian bagi Soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi ayat tersebut.

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**Jawapan 3(a)**

- (i) penuh
- seluruhnya berisi, tidak sedikit pun kosong (terluang), pepak
 - banyak berisi (sesuatu), banyak mengandungi (sesuatu)
 - tidak kurang, cukup
 - banyak (ramai) sekali
- (ii) memenuhi
- mengisi (memuatkan) penuh-penuh
 - memadai, memuaskan, mencukupi
 - memuaskan permintaan dan lain-lain, menyampaikan harapan dan lain-lain, mengabulkan
 - menjalankan (kewajiban dan lain-lain), menepati (janji dan lain-lain), menunaikan, menyempurnakan
- (iii) memenuhi
- menyebabkan sesuatu menjadi penuh, menjadikan penuh
- (iv) wakil
- orang yang diberi kuasa menggantikan atau bertindak bagi pihak orang lain, pengganti, sulih
 - orang yang dilantik sebagai utusan atau untuk bertindak dan sebagainya bagi pihak (kerajaan, persatuan sekerja, rakyat, dan lain-lain), utusan
 - orang (syarikat dan lain-lain) yang menjalankan urusan perniagaan dan sebagainya untuk orang atau pihak lain, ejen
 - jawatan yang kedua tingginya (di bawah jawatan yang disebutkan berikutnya), naib, penolong, timbalan
- (v) mewakili
- menjadi wakil kepada, bertindak sebagai wakil atau pengganti kepada atau bagi pihak (seseorang dan lain-lain), menyulih
- (vi) mewakilkan
- memberi kuasa kepada seseorang untuk menjadi wakil, menunjuk (melantik) seseorang lain untuk mewakili
 - menyerahkan kepada orang yang dipercayai untuk diurus dan sebagainya, mempercayakan (mengamanahkan) kepada

[6 markah]

Jawapan 3(b)

Perhatian untuk Soalan 3(b)

- Berikan markah secara *impression*.
 - Sekiranya terdapat calon yang banyak melakukan kesalahan tatabahasa, 1 markah ditolak daripada markah keseluruhan.
- (i) Emak menyindir adik yang baru bangun daripada tidur walaupun sudah pukul 12.00 tengah hari.
- (ii) Pengetua ingin tahu punca Ahmad sering datang lewat ke sekolah.
- (iii) Kamil menafikan keterlibatannya dalam kejadian buli di asrama. Dia juga menyatakan bahawa dirinya difitnah.

[6 markah]

Jawapan 3(c)

- (i) Pendarahan yunit - Pendarahan unit
- (ii) alternatif penganggur - alternatif pengangguran
- (iii) setiakawan semuka - setia kawan bersemuka

[6 markah]

Jawapan 3(d)

- (i) jika sekiranya proses - jika / sekiranya prosedur
- (ii) antara berestetika - bahawa beretika
- (iii) dari berpergian - daripada berpelesiran

[6 markah]

Jawapan 3(e)

- (i) Gulung tikar
- (ii) Ukur baju di badan sendiri / Biasa di sayak dibawa ke dulang, biasa kepada awak dibawa kepada orang
- (iii) Seperti kera mendapat bunga / Bagai kera diberi kaca

[6 markah]

Soalan 4**Markah penuh 15 markah****Panduan pemarkahan bagi Soalan 4**

- (a)
- i) Jawapan mesti berdasarkan **sebuah** novel yang dipelajari.
 - ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap dan gramatis.
 - iii) Beri 1 markah bagi setiap **latar tempat** yang dikemukakan.
 - iv) Beri 1 markah bagi setiap **huraian yang berkaitan dengan latar tempat**.
 - v) Isi 2 markah, huraian 2 markah, maksimum 4 markah.
 - vi) Markah bahasa, maksimum 3 markah.
 - vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.
 - Baik : 3 markah
 - Sederhana : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
 - viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
 - ix) Calon yang tidak menjawab, 0 markah.

[Maksimum : 7 markah]

- (b)
- i) Jawapan mesti berdasarkan **dua buah** novel yang dikaji.
 - ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap dan gramatis.
 - iii) Beri 1 markah bagi setiap **peristiwa** yang dikemukakan.
 - iv) Beri 1 markah untuk setiap **huraian yang berkaitan dengan peristiwa**.
 - v) Beri 1 markah untuk setiap **alasan** yang lengkap / jelas.
 - vi) Jika calon hanya menulis huraian dan alasan sahaja, tanpa mengemukakan **peristiwa**, markah isi 0 markah.
 - vii) Markah isi, maksimum 6 markah.
 - viii) Markah bahasa, maksimum 2 markah.
 - ix) Markah bahasa diberi secara *impression*.
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
 - x) Jika calon menjawab dan markah isi 0 markah, berikan 1 markah untuk bahasa.
 - xi) Calon yang tidak menjawab, 0 markah.

[Maksimum : 8 markah]

Jawapan 4(a)**Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa****Latar Tempat**

1. **Sungai Ramal**
Tempat kelahiran Leftenan Adnan dan tempat Leftenan Adnan dibesarkan.
2. **Kem Latihan Haig Lines Port Dickson**
Tempat Leftenan Adnan menerima latihan ketenteraan.
3. **Pasir panjang**
Kompeni C di bawah pimpinan Leftenan Adnan memberi tentangan hebat terhadap tentera Jepun sehingga tentera Jepun terpaksa berundur.
4. **Bukit Candu**
Leftenan Adnan terkorban dan mayatnya digantung di dahan pokok ceri dengan kepala ke bawah dan ditikam bertalu-talu oleh tentera Jepun.
5. **Alexandria**
Benteng terakhir tentera British yang diserang oleh tentera Jepun.
6. **Sekolah Inggeris**
Tempat Adnan bersekolah dan menyertai pertandingan pidato Bahasa Inggeris.
7. **Dusun durian di tanah perkuburan**
Adnan membantu ayahnya membersihkan kebun durian milik ayahnya.
8. **Warung Pak Samad**
Tempat Pak Saidi melepaskan lelah selepas penat bekerja.
9. **Kampung di Sungai Ramal**
Tempat Pak Saidi dan keluarganya tinggal.
10. **Rumah Pak Saidi**
Tempat Adnan dan adik beradiknya bermain perang-perang.

Novel Tirani**Latar Tempat**

1. **Rumah Fadhil**
Tempat Fadhil, Raidah dan anak-anaknya, Ghazi dan Waheeda Nurlyana serta cucunya, Izzati tinggal.
2. **Pusat Rawatan Islam Pusrawi, Kuala Lumpur**
Tempat Waheeda mendapatkan rawatan lanjut dan khidmat kaunseling daripada Dr. Qamariah berkaitan dengan masalah kemurungan yang dialaminya selepas kegagalan dalam rumah tangganya bersama dengan Zahid.
3. **Rumah Bazilah di Yishun Street**
Tempat Waheeda menumpang tinggal sementara dia menjalani rawatan pembedahan mata dan hidungnya di Singapura.
4. **Rumah Haji Abdul Aziz Imran, Damansara Heights**
Tempat pertemuan dan perbincangan antara Haji Abdul Aziz dengan Waheeda dan Ghazi berkaitan dengan penjualan Chalet Iwana-Iwani di Cameron Highlands.
5. **Chalet Tajau Emas**
Tempat Waheeda mengalami kecederaan pada muka dan hidung akibat digigit dan dicakar oleh monyet Belanda yang meluru masuk secara tiba-tiba.
6. **Hospital Kuching**
Tempat Waheeda menerima rawatan akibat kecederaan pada muka dan hidungnya yang digigit dan dicakar oleh monyet Belanda.
7. **Silicon Medical Center SMC di Singapura**
Tempat Waheeda menjalani pembedahan mata dan hidungnya yang dijalankan oleh Dr. Shirrim Ghazizadeh dan Dr. Averroes atau Dr. Rushdi.
8. **Chalet Iwana-Iwani, Cameron Highlands**
Tempat Lais membawa Waheeda dan Ghazi melihat secara lebih dekat lokasi dan premis Chalet Iwana-Iwani sebelum mereka bersetuju untuk membeli chalet tersebut.
9. **Restoran Iwana**
Tempat Zahid terpendang kelibat bekas isterinya, Waheeda Nurlyana setelah hampir 20 tahun mereka bercerai.
10. **Hotel Flamingo de La Rossa, Singapura**
Tempat Waheeda bekerja ketika di Singapura selepas Waheeda menjalani pembedahan plastik pada bahagian mata dan hidungnya. Hotel ini juga merupakan tempat Waheeda berkenalan dengan suaminya, Zahid yang merupakan pelanggan hotel.

***(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

[Lihat halaman sebelah

Jawapan 4(b)**Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa****Peristiwa yang menimbulkan keinsafan kepada pembaca****1. Peristiwa peperangan sengit yang berlaku di Bukit Candu**

Walaupun banyak pemimpin yang hebat telah terkorban, namun askar Tanah Melayu tidak pernah menyerah kalah dan berundur. Mereka berperang sehingga ke titisan darah terakhir demi mempertahankan negara yang dicintai. Peristiwa ini telah menjelaskan sikap 'biar putih tulang, jangan putih mata'. Peristiwa ini juga menunjukkan semangat nasionalisme dan cinta akan tanah air yang tinggi dalam diri askar Tanah Melayu pada masa itu supaya musuh negara tidak dapat menjajah tanah air.

Alasan

Peristiwa ini dapat menimbulkan keinsafan kerana masyarakat pada zaman dahulu sanggup berkorban nyawa demi mempertahankan tanah air. Hal ini amat berbeza pada hari ini kerana ada segelintir orang yang sanggup 'menjual negara' demi kepentingan diri sendiri.

2. Peristiwa Leftenan Adnan membakar semangat anggotanya

Banyak anggota Kompeni C Regimen Askar Melayu di bawah pimpinan Leftenan Adnan terkorban ketika bertempur dengan tentera Jepun di Pasir Panjang dan Bukit Candu. Leftenan Adnan terus memberikan kata-kata semangat kepada anak-anak buahnya walaupun mereka semakin kehabisan peluru. Biar pun, akhirnya tentera Jepun berjaya menembusi pertahanan kubu askar Melayu dan Leftenan Adnan turut terkorban, namun semangat beliau tetap utuh saat menghadapi konflik tersebut.

Alasan

Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kerana mengajar kita supaya sentiasa tenang dan bersikap positif dalam menghadapi saat-saat genting.

3. Peristiwa Pak Saidi menyekolahkan anak-anaknya di sekolah Inggeris

Walaupun ramai penduduk kampung yang tidak mahu anaknya bersekolah Inggeris kerana kononnya akan menjadi murtad, namun Pak Saidi berfikiran sebaliknya. Dia ingin anak-anaknya menjadi orang yang berpelajaran.

Alasan

Hal ini menimbulkan keinsafan kerana dapat mengajar kita agar berpendirian teguh dan berpandangan jauh demi menjamin masa depan.

[Lihat halaman sebelah

4. **Peristiwa Pak Saidi mengajar anak-anaknya mengaji**

Walaupun anak-anak Pak Saidi belajar di sekolah Inggeris tetapi dia tetap mengajar anak-anaknya mengaji al-Quran pada waktu malam agar anak-anaknya mempunyai pegangan agama dan jati diri yang kukuh serta tidak lupa asal usul mereka.

Alasan

Hal ini menimbulkan keinsafan kerana walaupun kita mempelajari sesuatu yang bukan budaya kita, agama tetap dipertahankan sebagai pegangan hidup.

Novel Tirani

Peristiwa yang dapat memberikan keinsafan kepada pembaca

1. **Peristiwa kehidupan Waheeda selepas diceraikan oleh suaminya, Zahid**

Zahid yang panas baran telah menceraikan Waheeda dengan talak satu selepas mengesyaki Waheeda bersikap curang terhadapnya. Waheeda telah mengalami masalah kemurungan dan meroyan kerana diceraikan oleh Zahid selepas kelahiran anak sulung mereka.

Alasan

Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca agar tidak terlalu mengikut hati kerana kehidupan harus diteruskan walaupun menghadapi pelbagai rintangan. Untuk menghadapi rintangan hidup, kita perlulah bersikap tabah dan gigih supaya impian hidup dapat dicapai.

2. **Peristiwa Waheeda bangkit semula selepas mengalami kemurungan kerana diceraikan oleh suaminya**

Waheeda berjaya membangunkan Chalet Aya-Sajinah yang baru dibelinya di Cameron Highlands dan membesarkan anak perempuannya, Izzati sehingga berjaya melanjutkan pelajarannya di universiti.

Alasan

Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada kita bahawa kegagalan yang dialami hendaklah dijadikan sebagai pembakar semangat untuk membina kehidupan yang lebih berjaya.

3. Peristiwa Zahid menceraikan isterinya

Zahid menuduh isterinya curang kerana melahirkan anak yang tidak mewarisi wajah mereka berdua. Keegoan yang tinggi pada dirinya, menyebabkan dia tidak mahu membaca laporan data DNA tentang anak mereka. Hal ini telah menyebabkan keruntuhan rumah tangganya.

Alasan

Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada kita supaya menjauhi sikap ego yang tinggi kerana boleh membinasakan diri sendiri.

4. Peristiwa Waheeda melakukan pembedahan rekonstruksi atau pembinaan semula wajahnya

Waheeda telah melakukan pembedahan pada bahagian hidungnya yang pesek kerana mahu menjadi cantik dan berhidung mancung. Akibat daripada perbuatannya itu, dia dituduh curang kerana anak yang dilahirkannya tidak secantik dirinya.

Alasan

Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kerana kecantikan itu tidak menjamin kebahagiaan rumah tangga dan akhirnya musnah.

***(Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya calon dapat memberikan alasan yang logik dan sesuai)**

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT